



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 19 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI NAFI RAMAI VVIP POSITIF COVID-19, VAKSIN UNTUK RAKYAT, SH -9 ISU KENAIKAN HARGA RACUN SERANGGA MASIH DIBINCANG, NASIONAL, BH -20	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	WAJIB LESEN UNTUK EMPAT AKTIVITI HAIWAN BERMULA 1 JANUARI LALU, LOKAL, HM -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5. 6.	PESAWAH KIAN DIASAK SENGSARA, LOKAL, HM -20 INDUSTRI PADI DAN BERAS SABAH MEROSOT PADA PARAS TERENDAH, LOKAL, HM -20 PERUBAHAN IKLIM TAMBAH TEKANAN INDUSTRI TERNAKAN, K2, KOSMO -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2022	SINAR HARIAN	VAKSIN UNTUK RAKYAT	19

MAFI nafi ramai VVIP positif Covid-19

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menafikan dakwaan bahawa ramai orang kenamaan (VVIP) di kementerian itu positif Covid-19.

Menerusi laman Facebook, MAFI menjelaskan sehingga kini tiada VVIP di kementerian itu positif Covid-19 di samping sentiasa memantau serta mematuhi prosedur ope-

rasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

“Orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah mempercayai maklumat yang tular.

“Sebaliknya sentiasa semak fakta di laman web dan media sosial rasmi kementerian, jabatan serta agensi untuk maklumat terkini dan sahih,” menurut MAFI pada Selasa.

Dakwaan itu dikeluarkan pengguna Twitter melalui akaun Caretaker Malaysia sebelum ia tular di media sosial.

Isu kenaikan harga racun serangga masih dibincang

Kerajaan kaji beberapa cadangan bantu petani atasi masalah

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Parit Buntar: Langkah bagi mengatasi isu kenaikan mendadak harga racun serangga dan kulat serta baja yang membebankan pesawah, masih lagi pada peringkat perbincangan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, berkata kerajaan masih lagi mengkaji beberapa cadangan bagi membantu petani mengatasi masalah berkenaan.

"Kerajaan mengadakan perbincangan dan mengkaji beberapa cadangan bagi membantu petani mengatasi masalah ini. Sehingga kini, belum ada kata putus diperoleh dan perkara itu masih lagi dalam perbincangan dan tindakan," katanya ketika ditemui di Program Kayuhan Belia Bagan Serai, di sini, semalam.

Awal Disember lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memaklumkan harga racun serangga meningkat sehingga 199 peratus, daripada RM66 kepada RM197.50. Racun kulat turut meningkat 20.77 peratus, diikuti racun siput hampir 20 peratus, baja sebatian 'tira



Razman (tengah) menyampaikan hadiah utama cabutan bertuah kepada pemenang dalam program Kayuhan Santai Belia Bagan Serai, semalam. (Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

blue' (19.4 peratus), Agrobridge (19.1 peratus) dan NPK biru (14.5 peratus).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Rosnald Klandee dilaporkan berkata, kenaikan harga itu di luar kawalan kementeriannya berikutan peningkatan harga pasaran dunia, sekali gus memberi kesan langsung kepada pengebaruan ditanggung petani.

Sehubungan itu, MAFI mengenal langkah alternatif dengan menggalakan pengurangan keberuntungan dan peralihan baja kimia kepada organik, selain memperkenalkan pelbagai pendekatan serta pengemba-

ngani isu berkenaan.

Pesawah, Abdul Malik Mohamad, 55, berkata kenaikan harga bahan itu memang membebankan, tidak termasuk kos terpaksa ditanggung mereka untuk membayar perkhidmatan jentera dan upah berkatatan.

"Nak buat bendang pun tiada semangat, harga semua racun naik, racun rumput, siput, kulat dan macam-macam lagi, tak termasuk kos jentera, upah dan lain-lain. Jika berterusan, tidak mustahil ada di antara pesawah akan ubah tanaman padi kepada tanaman lain seperti kelapa dan sawit yang kurang penggunaan racun," katanya.

ngan perkhidmatan bagi jangka panjang.

Sementara itu, Razman berkata, penyakit Demam Babu Afrika (ASF) di negeri ini terkawal kerana tiada kes dilaporkan di Ladang ternakan itu, kecuali pada Disember lalu memabikkan beberapa ladang di Sungkai dan Bidor namun babi yang dikesan sudah dihapuskan.

Sementara itu, pesawah mengakui kenaikan mendadak harga racun memberi tamparan hebat kepada mereka, khususnya yang bakal memulakan tanaman padi bagi musim 1/2022 dan meminta kerajaan segera membenarkan mencari inisiatif bagi mena-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

Wajib lesen untuk empat aktiviti haiwan bermula 1 Januari lalu

Putrajaya: Pihak yang mahu menjalankan empat aktiviti membabitkan haiwan iaitu penginapan, menunggang dan mengepung, tempat perlindungan serta urusan jual beli haiwan hidup dalam kurungan diwajibkan mendapatkan lesen mulai 1 Januari lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, langkah ini selaras dengan Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015, Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021.

Beliau berkata, di bawah akta itu, 13 aktiviti membabitkan haiwan berkaitan pengurusan, penyimpanan serta penjagaan yang mewajibkan pelesenan dan aktiviti lain akan dikuat kuasa dalam fasa berikutnya.

“Kewajipan pelesenan ini bagaimanapun tidak terpakai untuk pemilik haiwan kesayangan yang dipelihara di rumah,” katanya.

Menurutnya, fasa pertama penguatkuasaan membabit-

kan aktiviti penginapan haiwan kesayangan (kucing dan anjing), menunggang dan mengepung haiwan (kuda tunggangan dan kuda lumba), tempat perlindungan haiwan (anjing dan kucing terbiar) dan jualan haiwan hidup dalam kurungan (binatang kesayangan, ikan hiasan dan burung).

Mengulas lanjut, Dr Norlizan berkata, aktiviti lain yang memerlukan lesen daripada DVS termasuk hotel dan spa untuk haiwan, kedai binatang peliharaan serta tempat perlindungan haiwan terbiar.

Beliau berkata, DVS memberikan tempoh tangguh selama enam bulan kepada pemilik premis terbabit untuk mendapatkan lesen.

Katanya, permohonan lesen dibuat secara dalam talian melalui laman <https://awa.dvs.gov.my>, dan fi dikenakan ialah RM100 untuk tempoh setahun bagi setiap aktiviti manakala RM50 bagi pembaharuan lesen untuk tempoh tiga tahun.

Oleh Shafiq Shahrin
Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

Parit Buntar

Kenaikan harga racun yang mendadak memberi tamparan hebat kepada petani, khususnya pesawah yang bakal memulakan musim tanaman padi tahun ini.

Pesawah Abdul Malik Mohammed, 55, berkata, kerajaan disaran untuk segera mencari inisiatif baharu bagi memastikan kenaikan harga racun termasuk racun serangga dan kulat tidak membebankan pesawah.

"Nak buat bendang (sawah) sekarang pun tak semangat, semua harga racun naik."

"Racun rumput, siput, kulat dan macam-macam lagi, semua naik. Itu tak termasuk kos jentera, upah dan lain-lain."

"Jika keadaan berterusan sebegini sudah pasti pesawah akan terkesan dan tidak mustahil ada di antara pesawah akan mengubah tanaman padi kepada tanaman lain seperti kelapa dan kelapa sawit yang kurang penggunaan racun," kata-

KENAIKAN HARGA RACUN

Pesawah kian diasak sengsara

nya, semalam.

Bellau berkata, pihaknya berharap kerajaan dapat bertindak segera dalam memastikan nasib dan kebajikan pesawah terbela.

"Dalam keadaan sekarang, adalah mustahil harga racun akan diturunkan semula berikutan peningkatan harga pasaran dunia."

"Justeru, selain cadangan menaikkan penerimaan subsidi racun dan baja kepada pesawah kerajaan juga disaran memberi inisiatif khas untuk kepada pesawah sekurang-kurangnya RM100 sehektar bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung pesawah bagi membeli racun yang mereka diperlukan," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri Razman

Zakaria berkata, kerajaan sedang membuat perbincangan dan mengkaji beberapa cadangan bagi membantu petani dalam mengatasi masalah kenaikan harga racun yang membebankan golongan ini.

Bellau yang ditemui ketika Program Kayuhan Bella Bagan Serai di sini berkata, sehingga kini belum ada sebarang kata putus diperolehi dan perkara itu masih lagi dalam perbincangan dan tindakan.

Awal Disember lalu, media melaporkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mendedahkan harga racun serangga meningkat sehingga 199 peratus, iaitu daripada RM66 kepada RM197.50.

Selain itu, racun kulat turut mencatatkan peningkatan 20.77 peratus, diikuti ra-

cun siput hampir 20 peratus, baja sebatian tiara blue (19.4 peratus), Agrobriidge (19.1 peratus) dan NPK biru (14.5 peratus).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dipetik berkata, kenaikan harga racun itu adalah di luar kawalan Mafi berikutan peningkatan harga pasaran dunia, sekali gus memberi kesan langsung kepada pengeluaran ditanggung petani.

Dalam perkembangan lain, Razman menegaskan penyakit demam babi afrika (ASF) di negeri ini terkawal kerana tiada kes dilaporkan di ladang ternakan babi.

Katanya, pada Disember lalu ASF dikesan di beberapa ladang di Sungkai dan Bidor, bagaimanapun babi yang dijangkiti wabak itu sudah dilupuskan.

Industri padi dan beras Sabah merosot pada paras terendah

Kota Kinabalu: Industri padi dan beras di Sabah merosot ke paras terendah sejak 1980-an dengan tahap sara diri hanya mencapai 22.81 peratus pada 2020.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata, kadar itu bersamaan pengeluaran 74,000 tan metrik beras berbanding keperluan sebenar yang mencecah 400,000 tan metrik.

Berikutan itu, katanya, Sabah terpaksa mengimport kira-kira 320,000 tan metrik beras bagi memenuhi keperluan penduduk negeri ini.

"Padi adalah tanaman ruji di Sabah tetapi pada 2020 tahap sara diri pengeluaran beras jatuh ke paras terendah 22.81 peratus, satu angka yang tidak pernah kita lihat sejak 1980-an."

"Kita terpaksa mengimport sehingga mencapai rekod 320,000 tan metrik beras bagi memenuhi keperluan kerana Sabah hanya mampu mengeluarkan 74,000 tan metrik beras," katanya.

Bellau berkata demiklan ketika pembentangan khas Mentransformasi dan Memodenkan Pertanian Sabah Kepada Sebuah Rumah Kuasa Serantau pada hari kedua Sidang Kemuncak Ekonomi dan Perniagaan Antarabangsa Sabah (SIBES), di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini, semalam.

Dr Jeffrey yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan negeri, berkata bagi mengubah situasi itu dan untuk memastikan penguasaan industri padi dan beras yang lebih baik, kerajaan negeri bersetuju menubuhkan Lembaga Padi Sabah.

Katanya, lembaga berkenaan akan merancang pembangunan serta penambahbaikan industri untuk mencapai



DR Jeffrey

sasaran tahap sara diri 60 peratus berbanding 22.81 peratus ketika ini.

Terdahulu, Dr Jeffrey berkata Sabah berdepan pelbagai isu dan cabaran yang menghalang pembangunannya, termasuk kekurangan pelabur dan pemain industri selain kurang promosi ke arah menjadikannya penyumbang terbesar ekonomi.

Bellau berkata, pendekatan 'urusan seperti biasa' diamalkan pemimpin dan perjawat awam, selain isu tanah, bekalan elektrik dan air, pandemik Covid-19, kekurangan buruh juga antara masalah dihadapi dalam membangunkan sektor pertanian di Sabah.

Bagaimanapun, katanya Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah mula menerima banyak cadangan pelaburan dalam tempoh 12 bulan lalu yang diharap dapat dikukuhkan lagi selepas ini.

Bellau berkata, Sabah mempunyai banyak peluang pelaburan ke arah menjadikan Sabah sebagai Rumah Kuasa Serantau bagi produk makanan laut dan hasil marin, sarang burung, buah-buahan tempatan, produk minyak sawit, herba eksotik, sayuran dan bunga serta agro pelancongan.



Varia

Oleh
DATUK MOHD
AL KHAFIZ ZAINAL

IKLIM dunia yang sentiasa berubah memerlukan pengurusan pertanian dan ternakan lebih bergerak efektif bagi menghasilkan pengeluaran makanan yang mampan.

Pelbagai pihak termasuk kerajaan dan industri perlu mencari kaedah serta persediaan perancangan rapi bagi mengadaptasi perubahan iklim yang menyebabkan banjir dan kemarau luar biasa.

Menurut sumber Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu, lebih 40 peratus daripada keanjalan bekalan makanan disebabkan oleh pengeluaran makanan dari kawasan yang disediakan dengan sistem pengaliran dan saliran.

Hal demikian memerlukan kreativiti serta inovasi terhadap ilmu, teknologi, polisi, pengurusan pertanian dan penternakan sedia ada.

Kelemahan dalam pengurusan bencana terutamanya daripada aspek pengumpulan data awalan serta edaran maklumat bencana terhadap para penternak boleh mengakibatkan kerugian besar.

Penternak di Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan terlibat banjir baru-baru ini mengalami kerugian lebih RM4 juta tidak termasuk kerosakan infrastruktur ternakan.

Industri ternakan ikan air tawar dalam negara merungsi kerugian lebih 20 juta semasa banjir baru-baru ini.

Kawasan-kawasan tumpuan ternakan di Pahang seperti Temerloh dan Kuantan mengalami limpahan air sungai luar biasa sehingga menyebabkan kerosakan pada infrastruktur ternakan ikan serta kerugian teruk akibat kematian ikan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah mengaktifkan Bilik Bencana Banjir dan menggerakkan pegawai serta kakitangan bagi menyelaras dan membantu memindahkan ternakan dari kawasan terjejas ke kawasan lebih selamat.

Bantuan ini termasuk pusat pemindahan segera sejurus berlakunya



KEADAAN Sungai Parana yang kedua terpanjang di Amerika Selatan mengalami kemerosotan paras air yang kritikal disebabkan perubahan iklim dunia.

Perubahan iklim tambah tekanan industri ternakan

banjir yang tidak dijangka termasuk makanan ternakan, rumput kering dan garam jilat turut diagihkan sebagai bantuan kecemasan kepada penternak.

Kerajaan turut memperuntukkan dana berjumlah RM60 juta di bawah Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan bertujuan membantu meringankan bebanan kumpulan sasar yang terkesak akibat daripada bencana alam seperti banjir kilat.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan baru-baru ini memaklumkan, mereka akan terus membantu semua yang terkesak khususnya golongan petani, penternak, pedagang dan nelayan serta pengusaha di sepanjang rantalan agromakanan.

Langkah segera dan proaktif sangat diperlukan kerana penternak sedang berhadapan dengan lonjakan harga bekalan makanan dunia.

Import bekalan makanan semakin meningkat setiap hari dari segi harga

mahupun penggunaan harian.

Krisis akan merjeaskan corak bekalan makanan dari pasaran asing. Kebergantungan Malaysia kepada produk import dijangka meningkat pada masa depan apabila pengeluaran tempatan meninggalkan industri.

Selama bertahun-tahun, Malaysia adalah pengimport bersih makanan pertanian dan produk makanan.

Dalam hal ini, negara mengimport lebih RM51 bilion (AS\$12.14 bilion) produk makanan dan minuman pada 2018.

Dalam segmen pasaran makanan tertentu, Malaysia hampir sepenuhnya bergantung kepada pengimportan terutamanya dalam sektor daging, bersama dengan tenusu, makanan laut dan koko.

Malaysia mengimport kira-kira 80 peratus daging lembu dari negara lain, mencapai nilai import RM3.9 bilion (AS\$937.81 juta).

Bekalan daging lembu domestik dipenuhi melalui pengimportan, terutamanya dari India (77 peratus), Australia (14 peratus) dan New Zealand (lima peratus).

Hampir semua ramuan produk tenusu diimport, termasuk tepung tanpa lemak dan susu penuh, whey dan pepejal tenusu lain.

Produk import ini kemudiannya digunakan untuk menghasilkan susu pekats manis, yogurt dan susu cecair terlarut semula.

Import susu dan krim Malaysia juga meningkat dengan ketara tahun ke tahun, mencecah RM266.49 juta (AS\$63.7 juta) pada 2019.

Pembekal utama produk tenusu ialah New Zealand (37 peratus), AS (13 peratus) dan Australia (15 peratus).

Kini negara berhadapan dengan punca-punca awalan kepada krisis bekalan makanan di mana rantaianya

telah mula terjejas.

Bekalan makanan haiwan semakin meningkat akibat corak iklim dunia oleh negara pengeluar seperti Brazil.

Sejak lebih setahun lalu, Sungai Parana, sungai kedua terpanjang di Amerika Selatan selepas Amazon mengering.

Panjangnya 4,500km menganjur dari Brazil hingga ke Argentina. Sungai ini bukan sahaja nyawa ekonomi rakyat di kawasan terbabit, ia turut memberi kesan kepada harga ayam dalam negara.

Ia menjadi laluan tongkang membawa lebih 45 juta tan kacang soya dan 50 juta jagung bijirin yang kemudiannya di eksport seluruh dunia atau 80 peratus bekalan bijirin Argentina.

Argentina pula membekalkan 26 peratus keperluan bijirin dunia. Sungai kering menyebabkan mereka terpaksa mencari jalan darat yang perlahan dan kos yang lebih tinggi.

Pada bulan Mei lalu, Argentina menghadkan eksport bijirin untuk melindungi keperluan dalam negara yang terjejas akibat kemarau. Akibatnya, harga bijirin dunia melambung sekali ganda.

Untuk memahami kenaikan harga ayam, kita juga perlu memahami ekonomi bijirin, perkembangan cuaca atau bencana berlaku ditempat lain.

Sama seperti persiapan banjir.

Empat bulan terakhir ini, taburan hujan turun lebih banyak sehingga mencatatkan rekod di mana taburan hujan pada 18 hingga 22 Disember 2021 telah menyamai taburan hujan sepanjang tahun.

DATUK MOHD AL KHAFIZ ZAINAL IALAH Pengerusi Eksekutif Aras Nlaga Makmur Group Berhad yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Teknikal Malaysia Melaka Holding.



INDUSTRI penternakan negara turut terjejas akibat kejadian banjir yang melanda beberapa negeri baru-baru ini.